

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
3	PERMOHONAN SAMBUNG PENGAJIAN KE POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI DIBUKA	3 APRIL 2024	MY METRO
4-5	KBS, IKTN DUSUN TUA TAWAR KURSUS PENYELENGGARAAN EV, HIBRID	4 APRIL 2024	MY METRO
6	IS TAYAR GALAK BELIA SERTAI TVET	4 APRIL 2024	BERNAMA ONLINE
7-10	MELAKA TO FOCUS ON HIGH TECH COUNTRIES, COMPANIES TO EMPOWER TVET	8 APRIL 2024	BERNAMA ONLINE
11-13	ILP KANGAR TO INTRODUCE TAHFIZ TVET PROGRAMME	14 APRIL 2024	BERNAMA ONLINE
14	DUTA TVET TARIK PELAJAR SEKOLAH SAMBUNG PENGAJIAN DI KOLEJ KOMUNITI, POLITEKNIK	15 APRIL 2024	BERNAMA ONLINE
15-17	64 STUDENTS APPOINTED AS TVET AMBASSADORS FOR KOLEJ KOMUNITI KOK LANAS	15 APRIL 2024	BERNAMA ONLINE
18-19	KPT ADAKAN PERBINCANGAN, PANTAU SITUASI PELAJAR DI ASIA BARAT	15 APRIL 2024	BH ONLINE
20	YAYASAN IKRAM SUMBANG RM5,000 UNTUK PELAJAR PUO	16 APRIL 2024	BERNAMA ONLINE
21	SUNWAY, IKTN DUSUN TUA BEKERJASAMA TAWAR LATIHAN EV	16 APRIL 2024	BH ONLINE
22-23	MIDDLE EAST CRISIS: NO INSTRUCTION YET TO BRING BACK STATE-SPONSORED STUDENTS	16 APRIL 2024	BERNAMA ONLINE

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
24-27	TINGKAT KEUPAYAAN GURU KUASAI AI PERKASA PENDIDIKAN STEM, TVET	18 APRIL 2024	BH ONLINE
28-30	GIATMARA BAGAN DATUK UPGRADED TO MALAYSIA—CHINA INSTITUTE	19 APRIL 2024	BERNAMA ONLINE
31-33	AHMAD ZAHID WANTS MORE SABAH YOUTHS TO BE EXPOSED TO TVET	20 APRIL 2024	BERNAMA ONLINE
34-36	PROGRAM MADANI RAKYAT ZON UTARA TAWAR LEBIH 1,500 PEKERJAAN	26 APRIL 2024	BERNAMA ONLINE
37-39	MALAYSIA-CHINA BINCANG PERKUKUHKAN KERJASAMA SEKTOR PENDIDIKAN TINGGI	26 APRIL 2024	BERNAMA ONLINE
40-42	KKR, CIDB ZAHIR HASRAT HANTAR PEKERJA KE NAGASAKI TEROKA KEMAHIRAN TVET	27 APRIL 2024	BERNAMA ONLINE
43-45	TAM SEDIA BANTU TARIK MINAT GOLONGAN MUDA CEBURI TVET, STEM	27 APRIL 2024	BERNAMA ONLINE
46-48	MAJLIS TVET, PEMBANGUNAN USAHAWAN DISELARAS RANCAKKAN SEKTOR TEKNOUSAHAWAN	30 APRIL 2024	BERNAMA ONLINE

METRO

3 APRIL 2024

METRO ONLINE | PERMOHONAN SAMBUNG PENGAJIAN KE POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI DIBUKA

Permohonan sambung pengajian ke politeknik, kolej komuniti dibuka

BERNAMA



GAMBAR hiasan

Putrajaya: Permohonan kemasukan pelajar Sesi 1:2024/2025 ke program sijil dan diploma di 36 politeknik dan 105 kolej komuniti melalui e-Borang MyPolyCC dibuka bermula hari ini hingga 10 Mei 2024, demikian menurut Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

METRO

4 APRIL 2024

METRO ONLINE | KBS, IKTBN DUSUN TUA TAWAR KURSUS PENYELENGGARAAN EV, HIBRID

KBS, IKTBN Dusun Tua tawar kursus penyelenggaraan EV, hibrid

BERNAMA



Hulu Langat: Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Dusun Tua menawarkan kursus Penyelenggaraan Kenderaan Elektrik (EV) dan Hibrid bermula Februari tahun ini bagi meningkatkan lagi daya saing golongan belia dalam sektor EV.

Menterinya Hannah Yeoh berkata pengambilan pertama bagi kursus itu melibatkan 30 belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berumur 18 hingga 30 tahun.

"Pada 2025, kita jangkakan sebanyak 200 orang pelajar sepenuh masa akan dilatih di IKTBN Dusun Tua, IKTBN Chembong dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Jitra dalam kursus EV.

"Manakala, 500 orang belia termasuk pekerja akan dilatih dalam kursus *reskilling* EV melalui program '*Skills For Life*' yang dilaksana di ketiga-tiga Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan majlis perasmian Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ILKBS Sebagai Pelaksana Rintis Kursus EV dan Hibrid di IKTBN di sini, hari ini.

Hannah berkata, KBS komited untuk menambah baik dan menawarkan kursus-kursus berkualiti seiring perubahan teknologi terkini bagi memastikan golongan belia lebih berdaya saing, relevan dan menepati keperluan industri.

Beliau turut menyaksikan majlis Menandatangani Dokumen Persefahaman (MoU) antara IKTBN Dusun Tua dengan Sunway Berhad dan Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute (MARII).

Menerusi MoU itu, Hannah berkata, kerjasama kukuh antara IKTBN dan pemain industri dapat dilaksanakan bagi menambah baik kurikulum, berkongsi kepakaran dan teknologi sekali gus, membuka peluang pekerjaan serta latihan industri kepada lepasan kursus EV dan hibrid.

Setakat ini, terdapat tiga ILKBS yang menawarkan kursus berkaitan EV dan hibrid iaitu di IKTBN Dusun Tua (penyelenggaraan), IKTBN Chembong (pengenalan dan keselamatan) dan IKBN Jitra (penyelenggaraan motosikal EV).

Turut hadir Ketua Setiausaha KBS Dr K Nagulendran.

Disiarkan pada: April 4, 2024 @ 3:59pm

BERNAMA

4 APRIL 2024

UTUSAN ONLINE | IS TAYAR GALAK BELIA SERTA TVET

IS Tayar galak belia sertai TVET



ISMAIL Ahmad mahu berbakti semula kepada masyarakat dengan memberi peluang terhadap mereka yang ingin terlibat dalam bidang perkhidmatan servis kenderaan. – UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

Oleh MEDIA MULIA 4 April 2024, 8:25 am

BERNAMA

8 APRIL 2024

BERNAMA ONLINE | MELAKA TO FOCUS ON HIGH TECH COUNTRIES, COMPANIES TO EMPOWER TVET

MELAKA TO FOCUS ON HIGH-TECH COUNTRIES, COMPANIES TO EMPOWER TVET - DEPUTY EXCO



08/04/2024 11:23 AM

MELAKA, April 8 (Bernama) – Melaka will continue to focus on high-tech countries and companies, to empower and improve the expertise and skills of youths graduating from Technical and Vocational Education and Training (TVET) in the state.

The state Investment, Industry, Technical and Vocational Education and Training (TVET) Development Committee deputy chairman Datuk Khaidhirah Abu Zahar said that it is in line with the 10 main industrial areas which are the focus of the state government to develop.

“Although Melaka has not set any target for countries to invest here, the state leadership always welcomes all investors from all corners of the world to come to Melaka, especially involving the 10 main fields, namely electricity and electronics, automotive, aerospace, oil and gas, renewable technology, halal manufacturing sector, biotechnology, machinery and equipment, pharmaceutical and maritime.

“We want to develop TVET, and of course, we have a high aspiration to bring the high-tech countries and companies, especially those with expertise in robotics, artificial intelligence technology (AI), Augmented Reality (AR), Fourth Industrial Revolution (IR 4.0), automation and Internet of Things (IoT), as well as other related technologies, to work together with institutions of higher learning, and technical and vocational schools,” she told Bernama.

Khaidhirah, who is also the state TVET Council chairperson, said that the move is a two-pronged approach, which not only helps to improve the economy of the state government, but also empowers TVET, and upgrades and improves the performance of graduates who are in the industry.

She said that, so far, as many as 23 public TVET institutions in Melaka have opened their doors in anticipation of the admission of the state's youths, especially among the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) holders, with the opportunity being open to anyone who does not have the opportunity to continue their studies in the academic field.

The state government's plans to set up the German Industrial Park, in Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh, on a site of approximately 424.11 hectares, is also seen as a stepping stone to increase the number of highly skilled Melaka youths in the field of TVET.

She said that the new technology park not only aims to attract more German investors to the state but also helps train the state's youths, as it is expected that 20 to 30 German companies will be operating at the site.

In addition, she said that one of the measures to empower TVET is the establishment of the TVET Centre of Excellence, to complete the ecosystem of the industrial sector in Melaka.

As an investor-friendly state, she said that Melaka will also serve as a compass to develop industry in the state, through the New Industrial Master Plan 2030 (NIMP 2030).

“For the targeted seven-year period, we will emphasise the cooperation between the Melaka government and the private sector as a collective action, to drive the development of the state’s industry and investment.

“It is not only related to policy implementation, but also offers a clear vision for the industry to coordinate industrial and investment efforts in Melaka, where NIMP 2030 will serve as a reference for local and international investors, offering insight into the state's industrial position, and the trajectory it is targeted to follow,” she said.

– BERNAMA

BERNAMA

14 APRIL 2024

BERNAMA ONLINE | ILP KANGAR TO INTRODUCE TAHFIZ TVET PROGRAMME

ILP KANGAR TO INTRODUCE TAHFIZ TVET PROGRAMME



14/04/2024 10:35 AM

KANGAR, April 14 (Bernama) -- The Kangar Industrial Training Institute (ILP) is introducing the Tahfiz Technical and Vocational Education and Training (TVET) Programme for the first time with the aim to enhance employability among individuals with religious school backgrounds who have undergone skill-based training in the country.

Its director Ts Haji Mohd Yusri Mohd Rahim, said that the programme offers two skills courses, namely Arc and Gas Welding Technology and Mechanical Maintenance Technology and each course runs for three months on a full-time basis.

"We've teamed up with the Faizuddin Centre of Educational Excellence (FCoEE) and the Perlis Islamic Religious Affairs Department (JAIPs) to admit Tahfiz students from madrasas and similar institutions. Religious school leavers are welcome to apply too.

"Registration for the Tahfiz TVET programme will open at the end of April. We hope to accommodate 60 students, with 30 students for each course," he said when met at ILP Kangar recently.

Mohd Yusri added that students who complete the three-month skills programme will receive a Micro-Credential acknowledged by the Skills Development Department and this certificate is highly sought after in the industry.

"This will be an added value for Tahfiz students and religious school leavers. With this skills certificate, they can easily find employment in the industry and even if they choose not to work in the industry, they can use their skills to work on their own as a welder," he said.

He said the perks of joining the Tahfiz TVET skills programme at ILP Kangar are participants enjoy complimentary food, accommodation and tuition along with a monthly RM100 allowance for three months.

He added that a course on introduction to entrepreneurship would be offered to students towards the programme's end, while Quran memorisation activities will also be included throughout the programme.

"The learning schedule for this skills programme will run from 10am to 5pm, with additional activities available for Tahfiz students after 5pm, including Quran recitation and memorisation," he said.

– BERNAMA

BERNAMA

15 APRIL 2024

UTUSAN ONLINE | DUTA TVET TARIK PELAJAR SEKOLAH SAMBUNG PENGAJIAN DI KOLEJ KOMUNITI, POLITEKNIK

Duta TVET tarik pelajar sekolah sambung pengajian di Kolej Komuniti, Politeknik



BERNAMA

15 APRIL 2024

BERNAMA ONLINE | 64 STUDENTS APPOINTED AS TVET AMBASSADORS FOR KOLEJ KOMUNITI KOK LANAS

64 STUDENTS APPOINTED AS TVET AMBASSADORS FOR KOLEJ KOMUNITI KOK LANAS



Kolej Komuniti Kok Lanas fb

15/04/2024 08:48 PM

KOTA BHARU, April 15 (Bernama) — A total of 64 students have been appointed as Technical and Vocational Education and Training (TVET) Ambassadors to implement pilot projects at Kolej Komuniti Kok Lanas.

The community college's director, Nik Ahmad Rizal Wan Ismail said the students involved are from Form Four and Five of Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kota Bharu, SMK Pangkal Kalong, SMK Mulong and SMK Salor.

He said these students will be tasked with delivering all inputs related to the programmes and specialisations offered under TVET as a study option after completing the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"The target is for students who are about to complete their studies at the SPM level, which are required for their further studies," he told reporters after the Closing Ceremony of the TVET Ambassador Programme @ KLCC 2024, at the college here today.

Nik Ahmad Rizal said the continuation of studies at community colleges is easy, requiring only a pass in SPM with one credit, and financial assistance is provided for B40 students.

"SPM leavers can choose from the main programmes offered, such as Hairdressing Certificate, Beauty and Spa Therapy Certificate, and Creative Multimedia Advertising Certificate with a fee as low as RM200 per semester," he said.

He said for B40 students, they are also assisted with RM2,400 per semester and can continue to diploma level at polytechnics and then a bachelor's degree via the Malaysia Technical University Network.

— BERNAMA

BERITA HARIAN

15 APRIL 2024

BHONLINE | KPT ADAKAN PERBINCANGAN, PANTAU SITUASI PELAJAR DI ASIA BARAT

KPT adakan perbincangan, pantau situasi pelajar di Asia Barat

Oleh Noor Atiqah Sulaiman - April 15, 2024 @ 10:01pm
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan mengadakan perbincangan dengan pihak berkaitan sekiranya ada keperluan untuk membawa pulang pelajar Malaysia yang berada di Asia Barat.

Dalam satu kenyataan, KPT memaklumkan setakat ini 1,917 pelajar berdaftar dengan kementeriannya.

Daripada jumlah itu, seramai 1,872 orang berada di Jordan, 37 orang di Syria, lapan pelajar di Iran dan tiada pelajar Malaysia di Lebanon serta Iraq, ketika ini.

"KPT mengambil maklum situasi terkini pergolakan yang berlaku di Asia Barat yang membabitkan Iran dan Israel serta secara tidak langsung memberi tempias kepada negara sekitarnya seperti Jordan, Syria, Lebanon dan Iraq.

"KPT sedang memantau perkara ini secara langsung menerusi pejabat Education Malaysia (EM) di Jordan dan Dubai serta sentiasa berhubung dengan Kedutaan Besar Malaysia di Tehran, Iran dan Kedutaan Besar Malaysia di Amman, Jordan bagi mendapatkan perkembangan terkini dan tindakan lanjut yang perlu diambil bagi memastikan keselamatan dan kebajikan pelajar terjamin," katanya.

Sebelum ini, media antarabangsa melaporkan Kor Pengawal Revolusi Iran memulakan operasi serangan dron, menyasarkan lokasi di dalam wilayah yang diduduki Israel.

Maklumat lanjut, hubungi Kedutaan Malaysia di Tehran di talian (+9821) 88072444 (+9821) 88078606 atau Kedutaan Malaysia di Jordan (+962) 6590 2400 (+962) 78590 2400.

"Rakyat Malaysia khususnya pelajar Malaysia di negara berkenaan dinasihatkan untuk terus bertenang, sentiasa berwaspada dengan situasi semasa dan mematuhi arahan pihak berkuasa. Semoga krisis ini akan segera menemui jalan penyelesaian dan keadaan kembali aman," katanya.

BERNAMA

16 APRIL 2024

BERNAMA ONLINE | YAYASAN IKRAM SUMBANG RM5,000 UNTUK PELAJAR PUO

Yayasan Ikram sumbang RM5,000 untuk pelajar PUO



BERITA HARIAN

16 APRIL 2024

BH ONLINE | SUNWAY, IKTN DUSUN TUA BEKERJASAMA TAWAR LATIHAN EV

Sunway, IKTN Dusun Tua bekerjasama tawar latihan EV

Oleh Alzahrin Alias - April 16, 2024 @ 2:59pm
zahrin@bh.com.my



Yeoh menyaksikan majlis pemeteraian kerjasama strategik antara Kumpulan Sunway dengan IKTN Dusun Tua - Gambar ihsan Sunway

KUALA LUMPUR: Kumpulan Sunway menjalin kerjasama strategik dengan Institut Latihan Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTN) di Dusun Tua bagi menawarkan latihan dalam bidang berkaitan kenderaan elektrik (EV).

BERNAMA

16 APRIL 2024

BERNAMA ONLINE | MIDDLE EAST CRISIS: NO INSTRUCTION YET TO BRING BACK STATE-SPONSORED STUDENTS

MIDDLE EAST CRISIS: NO INSTRUCTION YET TO BRING BACK STATE-SPONSORED STUDENTS - SARAWAK PREMIER



16/04/2024 04:55 PM

KUCHING, April 16 (Bernama) – The Sarawak government has not received any instructions from the Home Ministry on the need to bring back the state-sponsored students following the current crisis in the Middle East.

Without stating the number of students involved, Sarawak Premier Tan Sri Abang Johari Tun Openg said most of the Sarawak Foundation-sponsored students are pursuing medical and religious studies in Jordan and Egypt.

"Let's wait for the advice from the Foreign Ministry. We are always in touch, we have a Foreign Ministry Office in Sarawak," he told reporters here today.

Meanwhile, the Ministry of Higher Education (KPT) in a statement yesterday said there are 1,872 Malaysian students currently studying in Jordan, 37 in Syria and eight in Iran.

According to the ministry, discussions will be held with relevant parties on action to be taken following the conflict in the Middle East which escalated after Iran launched airstrikes on Israel last Saturday.

– BERNAMA

BERITA HARIAN

18 APRIL 2024

BHONLINE | TINGKAT KEUPAYAAN GURU KUASAI AI PERKASA PENDIDIKAN STEM, TVET

Tingkat keupayaan guru kuasai AI perkasa pendidikan STEM, TVET

Oleh Prof Madya Dr Shamsul Arrieya Ariffin - April 18, 2024 @ 3:27pm
bhrencana@bh.com.my



Foto hiasan. - Foto fail NSTP

Penurunan dan kelemahan Malaysia dalam pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) - Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET) serta kepintaran buatan (AI) mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini.

Sebelum itu, keputusan Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) di seluruh rantau ASEAN menyaksikan Malaysia mencatatkan penurunan terbesar berbanding Indonesia, Thailand dan Vietnam. Skor Malaysia turun 6.26 peratus daripada 431 pada 2018 kepada 404 pada 2022 berbanding Indonesia dan Thailand, masing-masing menurun 4.09 peratus dan 4.36 peratus.

Statistik terkini menunjukkan kadar penyertaan murid menengah atas dalam STEM jatuh daripada 45.2 peratus pada 2017 kepada 40.94 peratus pada 2022. Ini menjadikan lebih sukar mencapai sasaran 60:40 nisbah murid sains terhadap seni, menunjukkan kelemahan dalam pencapaian objektif dalam Pelan

Laporan Forum Ekonomi Dunia (WEF) menunjukkan menjelang 2025, kira-kira 50 peratus daripada kemahiran dalam permintaan pekerjaan akan berkisar pada analitik, kreativiti, penyelesaian masalah dan idea, manakala 20 peratus memerlukan kemahiran teknologi dan pengaturcaraan.

Tangani isu standard pengajian sudah lama

Maka, penting untuk menangani isu standard pengajaran yang sudah lama berlarutan untuk memastikan kemajuan bermakna pada hasil STEM. Usaha ini perlu holistik mengambil kira kesediaan infrastruktur internet, perkakasan, perisian dan kesediaan mental, emosi dan fizikal semua pihak.

Perlu ditekankan kemahiran tenaga pengajar untuk mengajar AI yang asas seperti modul program 'AI untuk Rakyat' menarik minat seawal pendidikan awal kanak kanak lagi. Keputusan mengintegrasikan AI ke dalam STEM dan TVET adalah langkah strategik untuk mengikuti kemajuan pendidikan global.

Realitinya, integrasi ini tidak datang tanpa cabarannya. Jurang digital adalah ketara, dengan penembusan internet luar bandar 57 peratus berbanding 88 peratus di bandar. Jurang ini halangan ketara kepada penggunaan AI seragam dalam pendidikan Malaysia.

Guru yang kurang bersedia memasukkan AI ke dalam pengajaran mereka, menuntut kementerian berpaksikan pendidikan menggandakan program latihan komprehensif kepada pengajar. Dalam hal ini, AI mampu membantu pendidik menganalisis data prestasi pelajar dengan matlamat mengurangkan kadar keciciran.

Program kebangsaan perlu diadakan untuk melatih guru celik dan mempunyai kemahiran asas AI. Dalam hal ini, kerjasama dengan syarikat teknologi dapat memberi pelajar akses kepada alatan AI terbaharu. Keperluan mencipta makmal dan alatan berkuasa AI di sekolah dapat meningkatkan pembabitan pelajar STEM dan TVET.

Program latihan seluruh negara untuk pendidik dengan matlamat meningkatkan kecekapan AI dalam kalangan guru bagi tempoh lima tahun akan datang, perlu diperkasakan seperti dilaksanakan Finland.

Paling penting, segala infrastruktur menjadi asas kepada STEM, TVET dan AI perlu dipertingkatkan kerana ia memainkan peranan utama untuk menyokong alat dan platform pembelajaran AI. Inovasi kurikulum menggabungkan AI ke dalam STEM dan TVET sambil menyelaraskan dengan keperluan industri perlu ditingkatkan.

Selain itu, akses saksama kepada pendidikan AI di seluruh Malaysia perlu diperkasakan dengan memberi tumpuan di kawasan luar bandar dan wilayah kurang diberi perkhidmatan.

Apa yang penting, pendekatan strategik Malaysia dalam pendidikan untuk menyepadukan AI ke dalam STEM dan TVET perlu jelas, mampan dan lestari, berpandukan program AI untuk Rakyat. Malaysia berpotensi memanfaatkan kuasa revolusi AI untuk mentakrifkan semula landskap pendidikan dan masa depan ekonominya lebih gemilang.

Penulis adalah Pensyarah Kanan Fakulti Komputeran dan Meta- Teknologi, Universiti Pendidikan Sultan Idris

BERNAMA

19 APRIL 2024

BERNAMA ONLINE | GIATMARA BAGAN DATUK UPGRADED TO MALAYSIA—CHINA INSTITUTE

GIATMARA BAGAN DATUK UPGRADED TO MALAYSIA - CHINA INSTITUTE - DPM ZAHID



19/04/2024 11:51 PM

BAGAN DATUK, April 19 (Bernama) – GiatMARA Bagan Datuk has been upgraded to the Malaysia-China Institute (MCI) to train local TVET workforce with expertise from China.

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi stated that for starters the centre will train 2,000 TVET candidates who will be fully sponsored for training in China.

"It has already commenced, with 650 local TVET students undergoing initial training at GiatMARA Bagan Datuk, and subsequently sent to China.

"These TVET students are fully sponsored by Chinese organisations. The students only needed to finance their travel expenses, for which we also secured sponsorship," he told reporters at the Bagan Datuk Parliamentary Aidilfitri open house here today.

Also present were Perak Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad, and MARA chairman Datuk Seri Asyraf Wajdi Dusuki.

Ahmad Zahid, who also chairs the National TVET Council, highlighted plans to streamline the transformation of Giat MARA Bagan Datuk into MCI by upgrading facilities and infrastructure, with forthcoming efforts to expand the campus.

In January, it was reported that 17 TVET institutions in China had agreed and were prepared to collaborate in the establishment of the MCI.

The commitment from TVET institutions in China to establish MCI involves providing 2,000 training slots this year to enhance the skills of Malaysian TVET students.

The training slots provided cover various fields, such as Electric Vehicles (EV), Artificial Intelligence (AI), Internet of Things (IoT) technology, solar energy, information technology, and machining.

Ahmad Zahid, who is also the Bagan Datuk Member of Parliament, mentioned that in the first step, an organisation in China will sponsor students in the fields of renewable energy, hydrogen vehicles, and telecommunications.

He emphasised that this initiative reflects the cooperation between the two countries, as well as the increased investment from China into Malaysia.

"In this regard, China has a significant demand for skilled workers from our country in various related fields," he said, adding that the selected students come from various ethnic backgrounds, including from Sabah and Sarawak.


– BERNAMA

BERNAMA

20 APRIL 2024

BERNAMA ONLINE | AHMAD ZAHID WANTS MORE SABAH YOUTHS TO BE EXPOSED TO TVET

AHMAD ZAHID WANTS MORE SABAH YOUTHS TO BE EXPOSED TO TVET



20/04/2024 11:52 PM

KOTA KINABALU, April 20 (Bernama) -- Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi wants more young people in Sabah to be exposed to technical and vocational education and training (TVET) to meet the demand for skilled manpower from foreign or domestic investors in the country.

Ahmad zahid, who is also Minister of Rural and Regional Development, said he was recently offered by China to send 2,000 Malaysian students to follow TVET programmes with full scholarships in the country and therefore wants to ensure that 500 places are filled by Sabah youth.

"My guarantee is that the young generation in Sabah will also be offered TVET education...this is also to ensure that young people in Sabah are trained and given jobs based on high technology," he said when speaking at the Putatan umno Division's Hari Raya Aidilfitri celebration here tonight .

Also present were Sabah UMNO secretary Datuk Jafry Ariffin and Putatan UMNO division chief Jeffrey Nor Mohamed.

In this regard, Ahmad Zahid, who is also UMNO president, said Sabah received RM11.34 billion in investments last year and thus the huge investment potential needs to be translated into economic development for the people in the state, especially the opening up of more job opportunities.

"Investment is now forthcoming because of the huge potential for Sabah, as to what domestic investment entails, foreign investment means there is confidence from domestic and foreign investors in Sabah, (so) the people will be presented with job opportunities. So young people must be equipped with TVET knowledge," he said.

He said Giatmara is a TVET institution that is entrusted to implement the agenda of upskilling the young generation and so far there are 1,345 such institutes in the country.

– BERNAMA

BERNAMA

26 APRIL 2024

BERNAMA | PROGRAM MADANI RAKYAT ZON UTARA TAWAR LEBIH 1,500 PEKERJAAN

PROGRAM MADANI RAKYAT ZON UTARA TAWAR LEBIH 1,500 PEKERJAAN



Program MADANI Rakyat 2024 (Gambar fail)

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) – Sebanyak 1,582 peluang pekerjaan ditawarkan pada karnival kerjaya sempena Program MADANI Rakyat Zon Utara yang akan berlangsung di Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang dari 3 hingga 5 Mei ini.

Ketua Penyelaras Program MADANI Rakyat 2024 Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) Pejabat Perdana Menteri Mohd Zainuddin Mohd Noor berkata 30 peratus daripada pemohon akan menerima surat tawaran sejeurus selepas temuduga selesai jika berkecukupan.

“Saya menyeru anak-anak muda dan pencari kerja supaya hadir ke karnival kerjaya ini kerana ada syarikat besar yang menawarkan gaji lumayan, selain kira-kira 26 majikan yang akan turut hadir.

“Terdapat 12 kementerian di bawah sekretariat berkaitan juga akan menghebahkan mengenai kursus-kursus di bawah Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dan lepasan pendidikan berkemahiran tinggi mampu meraih pendapatan yang lumayan,” katanya pada wawancara mengenai pengisian sempena Program MADANI Rakyat di Nasional FM hari ini.

Terdapat pelbagai aktiviti menarik pada program ini, antaranya penawaran diskaun sehingga 50 peratus di kaunter bayaran saman trafik Polis Diraja Malaysia, penukaran topi keledar anjuran Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebanyak 5,000 unit secara percuma dan diskaun sehingga 20 peratus bagi pelbagai Jualan Rahmah.

“JPJ juga akan menyediakan pemeriksaan motosikal yang sudah luput cukai jalan melebihi tiga tahun secara percuma kerana kita sedia maklum jika melebihi tempoh, kenderaan itu perlu menjalani pemeriksaan kenderaan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom) terlebih dahulu.

Mohd Zainuddin menyasarkan 100,000 pengunjung menyertai program tiga hari itu.

Rabu lepas Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Pulau Pinang Abdul Kahar Abdullah berkata majlis perasmian penutupan Program MADANI Rakyat Zon Utara pada 5 Mei akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, bersekali dengan Majlis Sambutan Aidilfitri MADANI 2024.

Perkhidmatan bas perantara akan disediakan bermula pukul 10 pagi hingga 10 malam sepanjang tiga hari program berlangsung.


— BERNAMA

BERNAMA

26 APRIL 2024

BERNAMA ONLINE | MALAYSIA-CHINA BINCANG PERKUKUHKAN KERJASAMA SEKTOR PENDIDIKAN TINGGI

MALAYSIA-CHINA BINCANG PERKUKUHKAN KERJASAMA SEKTOR PENDIDIKAN TINGGI



26/04/2024 11:54 PM

KUALA LUMPUR, 26 April (Bernama) – Malaysia dan China membincangkan inisiatif strategik bagi memperluas serta memperkukuh jalinan kerjasama sektor pendidikan tinggi antara Kuala Lumpur-Beijing sempena sambutan Ulang Tahun ke-50 Hubungan Diplomatik Malaysia-China.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam kenyataan memaklumkan perbincangan itu diadakan sempena kunjungan hormat Menteri Pendidikan China Huai Jinpeng kepada Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir di Putrajaya hari ini.

"Kedua-dua rakan sejawat tersebut telah bertukar pandangan mengenai landskap dan hala tuju pendidikan tinggi negara serta potensi kerjasama strategik yang boleh diteroka terutama dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), sosiobudaya dan kolaborasi industri bagi pelajar-pelajar Malaysia melibatkan perusahaan diterajui syarikat dari China antaranya Huawei dan Geely," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu menyebut kerjasama penyelidikan dalam sektor teknologi maju seperti kecerdasan buatan (AI), pengkomputeran, teknologi tenaga hijau, mikro cip serta automotif turut dibincangkan.

Menurut kenyataan itu Zambry dan Huai berpendapat kerjasama dalam sektor penyelidikan terbabit boleh dipertingkatkan melalui penubuhan sebuah pusat penyelidikan peringkat nasional antara kedua-dua negara.

Selain itu kedua-dua pemimpin berkenaan menggalakkan kerjasama strategik terutama antara institusi pendidikan tinggi Malaysia dan China dalam pelbagai program pembangunan sains dan teknologi, perkongsian sumber, data teknikal, fasiliti, latihan, penyelidikan serta dialog ketamadunan.

Menurut KPT, Memorandum Persefahaman (MoU) antara Chinese Service Centre For Scholarly Exchange (CSCSE) dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) turut dimeterai pada sesi pertemuan berkenaan.

Menerusi MoU itu CSCSE dan MQA akan bekerjasama bagi memudahkan pertukaran maklumat dan kepakaran tentang rangka kerja kelayakan negara, proses akreditasi, mempromosikan kerjasama antarabangsa untuk pengiktirafan kelayakan dan kemahiran yang diperoleh melalui pendidikan tinggi.

"Kerjasama berkenaan akan turut memperkuat lagi program mobiliti akademik, perkongsian penemuan penyelidikan dan amalan terbaik dalam bidang jaminan kualiti sektor pendidikan tinggi Kuala Lumpur-Beijing," menurut kenyataan itu.

– BERNAMA

BERNAMA

27 APRIL 2024

BERNAMA ONLINE | KKR, CIDB ZAHIR HASRAT HANTAR PEKERJA KE NAGASAKI TEROKA KEMAHIRAN TVET

KKR, CIDB ZAHIR HASRAT HANTAR PEKERJA KE NAGASAKI TEROKA KEMAHIRAN TVET



Kredit: FB Alexander Nanta Linggi

27/04/2024 11:49 AM

PUTRAJAYA, 27 April (Bernama) -- Kementerian Kerja Raya (KKR) menerusi agensinya Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berhasrat memulakan penghantaran pekerja ke Nagasaki, Jepun menjelang suku keempat tahun ini sebagai kerjasama dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Menteri Kerja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata sasaran awal penghantaran pekerja itu melibatkan lima hingga 10 individu setiap kumpulan bergantung kepada permintaan.

Dalam kenyataan hari ini, beliau memaklumkan usaha ke arah kerjasama itu sedang giat dilaksanakan bersama institusi dan agensi berkaitan di Nagasaki dan program itu akan dimuktamadkan dalam Memorandum Kerjasama (MOC) dijangka ditandatangani tahun ini.

"Melalui kerjasama ini, CIDB bersama agensi serta institusi pendidikan kemahiran di Nagasaki akan bekerjasama dalam pertukaran kepakaran teknikal serta latihan membabitkan kedua-dua pihak terutama dalam sektor pembinaan dan perkapalan," kata Nanta.

Pertukaran teknologi juga akan diperkemaskan menerusi kerjasama tersebut yang antara lain memfokuskan penggunaan teknologi moden dalam kerja kimpalan dan pengendalian jentera berat.

Nanta yang kini dalam lawatan kerja ke Nagasaki berkata beliau bersama delegasi KKR, CIDB, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) turut berkesempatan bertemu Gabenor Wilayah Nagasaki Dr Oishi Kengo.

Pertemuan itu adalah susulan lawatan kerja CIDB ke Jepun tahun lepas, yang bertujuan meneroka peluang menghantar pelatih TVET ke Nagasaki untuk mendalami ilmu berkaitan, bertepatan dengan komitmen Kerajaan MADANI kepada pembangunan belia dan pertukaran pengetahuan.

“Dalam perbincangan bersama Dr Oishi semalam, kami bersetuju bahawa banyak limpahan manfaat dapat dihasilkan melalui kerjasama ini terutamanya dalam membantu menyediakan latihan vokasional untuk pekerja berkemahiran serta mengembangkan lagi pembangunan tenaga kerja.

“Ia juga akan menjadi satu usaha perkongsian kemahiran dan teknologi yang bermakna bagi kedua-dua negara serta merapatkan hubungan dua hala Malaysia-Jepun, seterusnya memberi faedah kepada ekonomi masing-masing dan menyumbang kepada kemajuan global bidang TVET,” katanya.

Nanta turut menzahirkan komitmen KKR menerusi CIDB untuk memperkasa TVET terutama membabitkan generasi muda, selaras dengan peranan CIDB yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk membangunkan industri pembinaan seterusnya melahirkan pekerja binaan yang kompeten dan berkualiti.

– BERNAMA

BERNAMA

27 APRIL 2024

BERNAMA ONLINE | TAM SEDIA BANTU TARIK MINAT GOLONGAN MUDA CEBURI TVET, STEM

TAM SEDIA BANTU TARIK MINAT GOLONGAN MUDA CEBURI TVET, STEM



27/04/2024 11:26 PM

MELAKA, 27 April (Bernama) -- Persatuan Teknologi Malaysia (TAM) sedia bekerjasama dengan kerajaan bagi menarik minat lebih ramai golongan muda menceburi bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Presiden berkenaan Tung Chee Kuan berkata TAM sebagai persatuan awam teknikal tertua di Malaysia sedia memainkan peranan mempromosi bidang itu bagi melahirkan lebih ramai golongan profesional dan graduan yang memenuhi keperluan industri.

Beliau berkata ia juga bagi membantu mengatasi masalah kekurangan pelajar dalam bidang TVET dan STEM pada masa ini.

"Sebagai badan bukan kerajaan (NGO) yang mencatatkan hampir 10,000 ahli teknologis daripada pelbagai kategori, TAM akan berusaha memainkan peranan supaya minat pelajar ke dalam bidang tersebut dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada majlis perasmian Persidangan Teknologi Lestari dan Inovasi Ke Arah Masa Depan yang disempurnakan Timbalan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana Melaka Datuk Zulkifli Mohd Zin.

Dalam pada itu Zulkifli dalam ucapannya berkata kerajaan negeri menyokong penuh langkah agresif TAM dalam mempromosi kemajuan teknologi antaranya melalui bengkel, seminar, lawatan tapak dan penerbitan jurnal.

BERNAMA

30 APRIL 2024

BERNAMA ONLINE | MAJLIS TVET, PEMBANGUNAN USAHAWAN DISELARAS RANCAKKAN SEKTOR TEKNOUSAHAWAN

MAJLIS TVET, PEMBANGUNAN USAHAWAN DISELARAS RANCAKKAN SEKTOR TEKNOUSAHAWAN - TPM



Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (tiga, kiri) menyampaikan Anugerah Khas Teknousahawan kepada Syamsul Nizam Azmee dari German-Malaysian Institute (tiga, kanan) dari Giatmara Petrajaya pada Anugerah Teknousahawan TVET@KKDW 2023. Turut hadir, Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Rubiah Wang (dua, kanan), Ketua Setiausaha Kementerian Desa dan Wilayah Datuk Seri Ramlan Harun (dua, kiri), dan Pengerusi MARA Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki (kanan).

KUALA LUMPUR, 29 April (Bernama) – Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata idea serta inisiatif Majlis TVET Negara dan Majlis Pembangunan Usahawan Kebangsaan akan diselaras bagi memastikan sektor teknousahawan berkembang pesat.

Menteri Pembangunan Desa dan Wilayah itu berkata beliau sebagai Pengerusi kedua-dua majlis akan memastikan pengetahuan serta kemahiran keusahawanan digabung bagi memperbanyak inovasi yang mampu memimpin kemajuan ekonomi negara.

Beliau berkata jika Agenda TeknoUsahawan Negara berjaya, sudah pasti banyak peluang pekerjaan dihasilkan dan ia akan membina ekosistem yang bakal membuka lebih banyak nilai tambah buat rakyat Malaysia.

"Rangkaian usahawan TVET mesti saling bekerjasama untuk cipta sinergi dengan pihak industri dan institusi.

"Jaringan kerjasama yang rapat ini dapat menggalakkan usahawan berkongsi sumber, ilmu, kepakaran dan pengalaman seterusnya membuka pelbagai peluang untuk mencipta perniagaan berdaya saing," katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Teknousahawan TVET@KKDW 2023 di sini malam ini.

Anugerah itu bagi mengiktiraf kejayaan institusi, tenaga pengajar, pelajar dan graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang keusahawanan berasaskan teknologi.

Ahmad Zahid juga berkata budaya teknousahawan perlu diperkasa kerana ekonomi berasaskan teknologi digital kini menjadi antara sektor strategik bernilai tinggi buat negara dan mampu merencanakan pelaburan serta menawarkan pekerjaan bergaji tinggi kepada rakyat.

Beliau turut menyeru semua institusi TVET dalam negara supaya menyediakan ruang kepada tenaga pengajar bidang teknousahawan untuk mengikuti kursus serta program peningkatan kemahiran dan pemahiran semula yang bersesuaian bagi peningkatan kemahiran sendiri mereka.

“Saya juga mahu mencabar para pengajar untuk mereka sendiri menjadi teknousahawan. Mereka harus menjadi contoh kepada bakal teknousahawan,” katanya.

– BERNAMA